



TERMA DAN SYARAT BAGI PEKEDAI/PERUNCIT BERDAFTAR DENGAN SEDA MALAYSIA DI BAWAH PROGRAM SAVE 2.0

Mana-mana pemohon yang mendaftar sebagai Pekedai/Peruncit Berdaftar untuk Program *Sustainability Achieved Via Energy Efficiency* (SAVE) 2.0 ("Program SAVE 2.0") hendaklah mematuhi terma dan syarat sebagai Pekedai/Peruncit Berdaftar ("Terma dan Syarat") seperti yang dinyatakan di bawah:

1. PERMOHONAN

- 1.1 Permohonan hendaklah dibuat secara talian di laman sesawang <http://www.saveenergy.gov.my>.
- 1.2 Permohonan hanya akan diproses oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia ("SEDA Malaysia") setelah semua maklumat dan dokumen sokongan yang lengkap telah dimuat naik dan telah dihantar dalam laman sesawang Program SAVE 2.0 sebagaimana yang dinyatakan dalam Panduan dan Tatacara Permohonan sebagai Pekedai/Peruncit dan Tuntutan e-Rebat bagi Program SAVE 2.0 ("Panduan dan Tatacara Program SAVE 2.0").
- 1.3 SEDA Malaysia boleh meluluskan atau menolak mana-mana permohonan pendaftaran yang tidak lengkap dan keputusan tersebut adalah muktamad.

2. KRITERIA PEMOHON

Pemohon hendaklah merupakan sebuah syarikat tempatan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] serta mempunyai alamat berdaftar dan alamat perniagaan di Malaysia.

3. TANGGUNGJAWAB PEKEDAI/PERUNCIT BERDAFTAR

Mana-mana pemohon yang telah diluluskan sebagai Pekedai/Peruncit Berdaftar hendaklah—

- (a) mematuhi Terma dan Syarat serta Panduan dan Tatacara Program SAVE 2.0;
- (b) memastikan bahawa semua pembeli memenuhi kelayakan Program SAVE 2.0 seperti yang dinyatakan dalam laman sesawang Program SAVE 2.0 sebelum Pekedai/Peruncit membuat permohonan bagi pihak pembeli melalui sistem SAVE 2.0;
- (c) memastikan bahawa pembeli menggunakan kad pengenalannya sendiri semasa membuat pembelian dengan Pekedai/Peruncit Berdaftar;
- (d) membantu pembeli membuat permohonan e-Rebat melalui akaun Pekedai/Peruncit Berdaftar;
- (e) memastikan maklumat pembeli dan pembelian kelengkapan elektrik yang dinyatakan adalah tepat dan betul;
- (f) sekiranya pembeli memenuhi semua kelayakan Program SAVE 2.0, Pekedai/Peruncit Berdaftar perlu memberikan e-Rebat RM 200 secara terus (*at the purchasing point*) sewaktu urusan pembelian dijalankan kepada pembeli; dan
- (g) memastikan bahawa permohonan tuntutan e-Rebat dibuat melalui akaun Pekedai/Peruncit Berdaftar selaras dengan Tatacara Permohonan dan Penebusan e-Rebat bagi Program SAVE 2.0.

4. TEMPOH PENYENARAIAN

Tempoh penyenaraian sebagai Pekedai/Peruncit Berdaftar di bawah Program SAVE 2.0 adalah sah sehingga 31 Disember 2021 sahaja.

5. KETIDAKPATUHAN

- 5.1 Sekiranya SEDA Malaysia mendapati bahawa Pekedai/Peruncit Berdaftar tidak mematuhi perenggan 3 Terma dan Syarat, SEDA Malaysia boleh—
- (a) menolak permohonan tuntutan e-Rebat yang dibuat oleh Pekedai/Peruncit Berdaftar;
 - (b) menggantung atau membatalkan pendaftaran Pekedai/Peruncit Berdaftar mengikut ketetapan SEDA Malaysia; atau

- (c) mengambil tindakan undang-undang yang sewajarnya ke atas Pekedai/Peruncit Berdaftar.
- 5.2 Apa-apa keputusan yang dibuat oleh SEDA Malaysia adalah muktamad. SEDA Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian yang dialami oleh Pekedai/Peruncit Berdaftar daripada keputusan SEDA Malaysia berhubung dengan ketidakpatuhan tersebut.

6. PERKARA AM

- 6.1 Bagi maksud Program SAVE 2.0, Pekedai/Peruncit Berdaftar hendaklah termasuk pemilik dan pekerjanya.
- 6.2 SEDA Malaysia berhak untuk meminda atau mengemas kini Terma dan Syarat dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

SEDA Malaysia
Mac 2021